

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK PEMBIAYAAN PERIBADI-i

Sila baca dan fahami Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembiayaan Peribadi-i berkonsepkan Murabahah Tawarruq. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat product ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma am di sini.

AmBank Islamic Berhad

Pembiayaan Peribadi-i berkonsepkan Murabahah Tawarruq (Pembiayaan Peribadi-i MTQ)
– BPA

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Produk ini merupakan kemudahan pembiayaan peribadi yang mematuhi konsep Syariah untuk kakitangan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan berkanun yang terpilih yang boleh membuat pemotongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA). Segala urusan pemotongan gaji melalui BPA untuk pembiayaan ini akan diuruskan oleh pihak MCCM Resources Sdn Bhd yang memiliki kod potongan gaji BPA.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Konsep Tawarruq, Murabahah, Wa'd dan Wakalah.

Tawarruq bermaksud satu aturan yang melibatkan dua perjanjian jual beli. Perjanjian jual beli pertama melibatkan penjualan komoditi oleh Bank kepada anda secara pembayaran tertangguh pada kos ditambah keuntungan, di mana harga belian dan harga jualan dimaklumkan kepada anda. Seterusnya, anda, melalui Bank sebagai ejen, akan menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan segera.

Murabahah merujuk kepada penjualan dan pembelian komoditi secara tertangguh, di mana kos pembelian komoditi dan jumlah keuntungan Bank dimaklumkan kepada anda.

Wa'd ialah akuanji sebelah pihak yang merujuk kepada suatu ekspresi komitmen yang diberi oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan.

Wakalah iaitu kontrak di mana satu pihak sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kebenaran kepada pihak yang lagi satu sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang boleh diwakilkan sama ada dikenakan yuran atau tidak. Menurut produk ini, Bank akan menjadi wakil mutlak anda bagi menjalankan aturan Tawarruq.

Aturan urus niaga Murabahah Tawarruq adalah seperti yang berikut:

- Anda meminta Bank untuk membeli komoditi itu daripada pasaran komoditi dan berjanji untuk membeli komoditi daripada Bank (Wa'd). Bank akan membeli komoditi tersebut dengan Harga Belian yang bersamaan dengan Amaun Fasiliti.
- Anda melantik Bank sebagai ejen untuk membeli komoditi patuh Syariah seperti Minyak Sawit Mentah (MSM) dan/atau lain-lain daripada pihak Bank; dan juga untuk menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak ketiga.
- Bank menjual komoditi yang dipersetujui kepada anda pada Harga Jualan Bank yang akan anda bayar kepada Bank secara ansuran.
- Sebagai pembeli komoditi, anda berhak untuk mengambil serahan komoditi tersebut dengan kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh anda sendiri.
- Bank menjual komoditi anda bagi pihak anda kepada mana-mana pihak ketiga pada harga belian yang bersamaan dengan Jumlah Fasiliti.
- Hasil jualan komoditi tersebut akan dibayar kepada anda selaras dengan terma dan syarat yang telah dipersetujui.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Jenis komoditi yang akan digunakan di dalam pembiayaan ini adalah: komoditi patuh Syariah yang didagangkan di platform dagangan yang diluluskan oleh AmBank Islamic Berhad.
- Jumlah pembiayaan [Amaun Fasiliti] (bersamaan harga jualan komoditi anda di pasaran) dipohon: RM _____
- Tempoh pembiayaan: _____ tahun
- Kadar keuntungan pembiayaan adalah berdasarkan kadar tetap _____%
- Kadar Keuntungan Efektif _____%

4. Apakah tanggungjawab kewangan saya?

- Anggaran Bayaran Bulanan (termasuk Keuntungan Tempoh Tanggahan Yuran Bulanan BPA RM _____)
- Anggaran Harga Jualan Bank adalah: RM _____

Nota: Anda hanya perlu membuat bayaran bulanan bermula pada bulan keempat selepas Amaun Fasiliti dikreditkan ke dalam akaun anda.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Lembaga Hasil Dalam Negeri [LHDN] Duti Setem: Dokumen prinsipal [0.5% daripada Amaun Fasiliti] + RM10 untuk Surat Kelulusan.

AmMetLife Takaful Berhad [panel takaful AmBank Islamic Berhad]

Sumbangan Takaful: Tertakluk pada Amaun Fasiliti, tempoh pembiayaan dan umur anda [jika berkenaan].

Biro Perkhidmatan Angkasa [BPA]

Yuran Bulanan BPA: 2% daripada bayaran bulanan Bank dan tambahan cukai daripada Yuran Bulanan BPA, akan dikenakan ke atas anda setiap bulan oleh BPA.

Tidak ada yuran atau caj dikenakan kepada anda bagi khidmat Bank sebagai ejen/wakil.

6. Berakah jumlah bersih Amaun Fasiliti yang akan anda terima?

Jumlah bersih adalah bersamaan dengan Amaun Fasiliti ditolak (Duti Setem + Sumbangan Takaful [jika berkenaan]).

7. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- Anda adalah digalakkan untuk mengambil Takaful Pembiayaan Peribadi Tempoh Menyusut ("TPPTM").
- TPPTM memberi perlindungan untuk kematian dan hilang upaya menyeluruh dan kekal. Ia boleh dibiayai oleh Bank sebagai sebahagian daripada Pembiayaan Peribadi-i ini ("Fasiliti") untuk membantu anda menjelaskan pembiayaan sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.

Nota: Bank boleh memberi sebut harga untuk sebarang perlindungan Takaful yang ditawarkan oleh panel Takaful Bank. Walau bagaimanapun, anda bebas untuk memilih perkhidmatan Takaful daripada syarikat Takaful yang lain atau memilih untuk tidak mengambil sebarang perlindungan Takaful.

8. Bagaimana sekiranya saya gagal untuk memenuhi tanggungjawab saya?

- a) Bank berhak untuk mengenakan dan menuntut daripada anda caj lewat bayar (ta'widh) atas kegagalan anda untuk membuat:
- Bayaran bulanan dan/atau jumlah yang dipersetujui untuk dibayar oleh anda kepada Bank; dan/atau
 - Pembayaran yang tertunggak selepas tarikh matang atau pembatalan Fasiliti.

Caj lewat bayar akan dikira pada kadar yang dinyatakan seperti di bawah:

No	Tempoh Berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke atas Amaun
1.	Sebelum tarikh matang	1% setahun dikira atas dasar baki harian	i. Ansuran tertunggak, di mana ia akan dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh ansuran tertunggak dan/atau; ii. Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak
2.	Selepas tarikh matang	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh
3.	Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap anda	Pada Kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman

Nota:

- i. Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun
 - ii. Jumlah caj lewat bayar tidak boleh lebih daripada amaun prinsipal tertunggak iaitu Harga Belian.
 - iii. Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk pada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia
 - iv. Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperolehi
 - v. Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk pada tempoh berkenaan
- b) Hak untuk Tolak-selesai: Bank berhak menolak selesai baki belum jelas dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit di dalam mana-mana akaun anda bersama kami. Walau bagaimanapun, tolak-selesai harus dimaklumkan kepada anda.
- c) Bank mempunyai hak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda. Tindakan undang-undang yang dikenakan akan mempengaruhi status kredit anda dan menyebabkan permohonan kredit pada masa hadapan lebih sukar atau tinggi kosnya.

9. Bagaimana sekiranya saya melangkaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Bank akan memberi rebat (ibra'), jika ada, ke atas baki amaun Harga Jualan Bank yang masih belum dijelaskan oleh anda berdasarkan situasi berikut:

- a. Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, sekiranya jumlah keuntungan dikira berdasarkan kadar efektif adalah lebih rendah daripada jumlah kadar siling.
- b. Berdasarkan penyelesaian penuh Fasiliti oleh anda dalam situasi berikut:
 - (i) Penebusan atau prabayaran Fasiliti
 - (ii) Disebabkan penstrukturan semula Fasiliti
 - (iii) Keingkaran anda
 - (iv) Di dalam situasi penamatan atau pembatalan Fasiliti sebelum tarikh matang

Rebat akan dikira berdasarkan formula di bawah atau pengiraan formula sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia:-

Rebat = keuntungan tertunda – caj penyelesaian awal

Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diakui dan dipersetujui bahawa rebat yang disebut di dalam ini tidak akan ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi hendaklah ditunjukkan sebagai pengurangan keuntungan dalam Harga Jualan Banki ini.

10. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

Sekiranya anda tidak membuat bayaran bulanan kepada Bank, anda mungkin menghadapi tindakan undang-undang daripada Bank dan tindakan undang-undang yang diambil terhadap anda mungkin akan membawa kesan negatif kepada status kredit anda dan menyebabkan sebarang permohonan pembiayaan menjadi lebih sukar dan/atau tinggi kosnya.

Bank juga boleh membuat potongan daripada akaun anda dengan Bank bagi menyelesaikan sebarang bayaran yang tertunggak yang mungkin membawa kesan kepada status kewangan anda.

11. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Tidak.

12. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Anda perlu memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan segala urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh :

- a. Menghubungi Pusat Perkhidmatan kami melalui: +603 2178 8888; atau
- b. Kunjungi cawangan AmBank Islamic/AmBank yang berhampiran; atau
- c. Kunjungi Unit Pengurusan Pelanggan di Tingkat 3, Menara AmBank, No. 8 Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur.

13. Bagaimana jika saya ingin mendapatkan sebarang bantuan dan khidmat nasihat?

Sekiranya anda mengalami sebarang kesulitan, sila hubungi kami dengan segera melalui:
Pusat Perkhidmatan kami melalui: +603 2178 8888.

- Atau, anda boleh mendapatkan perkhidmatan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu, sila hubungi:

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit,
Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-2616 7766
E-mel : enquiry@akpk.org.my**

- Sekiranya terdapat sebarang aduan atau pertanyaan berkaitan produk dan perkhidmatan kami, sila hubungi:

**Pusat Panggilan Bank – One Stop Resolution
Tingkat 18, Menara AmBank
No. 8, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur**

**Tel : +603 2178 8888
E-mel : customercare@ambankgroup.com**

- Sekiranya maklumbalas kami ke atas sebarang aduan dan pertanyaan anda kurang memuaskan, sila hubungi:

**Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)
Ground Floor, Block D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.**

**Tel : 1-300-88-5465
Faks : +603 2174 7515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my**

14. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sila rujuk kepada risalah produk untuk butiran terperinci seperti ciri-ciri, manfaat, fi dan caj produk yang sedia ada di semua cawangan atau anda juga boleh layari www.ambankislamic.com atau www.bankinginfo.com.my.

15. Adakah terdapat kemudahan Pembiayaan Peribadi lain yang disediakan?

Selain daripada Fasiliti ini, AmBank Islamic Berhad juga ada menawarkan kemudahan pembiayaan Fasiliti AmMoneyline-i.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Penyataan Produk ini adalah sah mulai 1 Disember 2020 sehingga kemaskini yang seterusnya. Semua pengiraan dan maklumat adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua harga / sebut harga yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah tidak termasuk cukai yang mana jika berkenaan, hendaklah ditanggung oleh anda.

Penafian: Amaun pembiayaan sebenar yang akan diberi oleh AmBank Islamic Berhad adalah bergantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank Islamic Berhad. Penyampaian Lembaran Penyataan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank Islamic Berhad untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

Saya bersetuju, membenarkan dan mengizinkan Bank untuk mendedahkan butir hubungan saya kepada unit perniagaan Bank yang lain, syarikat yang berkaitan dan pembekal khidmat pakar luar mereka untuk mempromosikan dan memasarkan produk dan perkhidmatan yang mungkin mendatangkan faedah kepada saya/kami.

Diakui oleh:	Diuruskan oleh:
Nama: Tarikh:	Nama: Tarikh:

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI PEMBIAYAAN PERIBADI ANDA SEPERTI SEPATUTNYA.